

# **Penilaian Terhadap Masalah-Masalah Program Pengimaranahan Masjid**

Azlan Abd Rahman, Dr. Rashidi Abbas

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan, Pahang  
Darul Makmur

## **ABSTRAK**

Masjid mempunyai fungsi dan peranan yang penting dalam meningkatkan pengetahuan dan kefahaman agama kepada ahli masyarakat. Masjid berperanan sebagai tempat ibadat, pusat ilmu, budaya dan tamadun Islam, pusat kebajikan dan menjadi syiar kepada kemuliaan Islam. Bagi merealisasikan harapan ini, masjid perlulah menjadi sebuah institusi yang melaksanakan tadbir urus yang berkesan melalui perkhidmatan, pendidikan dan pusat rujukan. Institusi masjid perlu mempamerkan ciri-ciri unggul dan profesional dalam aspek dakwah dan mengambil berat soal kebersihan dan penyelenggaraan. Namun begitu, tidak dapat dinafikan dalam aspek pengurusan dan pentadbiran masjid timbulnya beberapa masalah yang berkaitan sama ada dengan guru agama, pengurusan program pengajian dan juga fasiliti yang terdapat di masjid.

Kata Kunci: Masjid dan Masalah Pengurusan

## **KEYWORDS**

Masjid dan Masalah Pengurusan

## **PENGENALAN**

Menurut Aidh Abdullah Al-Qarni (2006), menjelaskan bangunan dan peradaban teragung yang kita miliki di dalam hidup ini adalah masjid. Barang siapa ingin melihat dan mengenal hakikat sebuah kota, maka lihatlah masjid-masjidnya, perhatikanlah segigih mana mereka menjaga dan memperhatikan masjid-masjid? Sejauh mana hubungan mereka dengan masjid? Masjid dibangunkan untuk melahirkan generasi muslim kelas tinggi yang memiliki kesedaran dan wawasan yang luas. Menurut Adrie Noor Al-Fatia dan Andriansah (2015), pada zaman Nabi Muhammad SAW di Madinah, masjid menjadi pusat misi Islam. Nabi SAW biasa berkumpul di masjid dan perlakuan ini diikuti oleh para Khulafa Al-Rasyidin. Pada waktu itu, masjid menjadi tempat pendidikan tambahan, namun lama-kelamaan masjid berkembang sehingga didirikan lembaga pendidikan yang bertempat di sebelah masjid. Sejarah mencatatkan, Rasulullah SAW ketika di Madinah menyediakan tempat di belakang bangunan Masjid Nabawi yang dikenali sebagai Suffah yang disediakan untuk kaum Muhibbin yang belum bernikah dan para fakir miskin serta orang-orang datang ke Madinah namun tidak memiliki tempat tinggal. Suffah dahulu kala digunakan juga sebagai tempat pendidikan bagi mempelajari al-Quran dan hukum-hukum syariat. Siti Aishah Hassan (2018), menjelaskan masjid merupakan lambang utama dalam menjana kegemilangan umat Islam di sepanjang zaman. Sejarah telah membuktikan bahawa masjid telah memainkan peranan yang amat besar dalam konteks membina dan memacu pembangunan umat Islam dalam pelbagai aspek. Namun begitu, perubahan masa dan zaman serta pertambahan bilangan masjid menyebabkan peranan dan sistem pengurusan masjid juga menjadi semakin mencabar. Pihak pengurusan institusi masjid sememangnya diamanahkan dengan tugas ke arah memakmurkan institusi masjid melalui perancangan dan pengurusan yang berkualiti dan sistematik.